



## **THE CONCEPT OF ZAKAH ON COMPANY FROM ISLAMIC LAW PERSPECTIVES**

### **KONSEP ZAKAT SYARIKAT MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM**

MUHAMMAD IKHLAS ROSELE  
Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya  
Email: [ikhlas@um.edu.my](mailto:ikhlas@um.edu.my)

**A PEER-REVIEWED ARTICLE**

**(RECEIVED – 21<sup>ST</sup> JAN 2024; REVISED – 17<sup>TH</sup> FEB. 2025; ACCEPTED – 4<sup>TH</sup> MAC. 2025)**

#### **ABSTRACT**

The discussion of company zakat is still an important topic among Islamic intellectuals. Furthermore, in Malaysia, the discussion is more focused on efforts to implement and coordinate the implementation of company zakat collection in Malaysia. However, some fiqh issues also still need a more holistic discussion. One of the main aspects in debating the issue of company zakat is related to the concept of company zakat. Because of that, this study will explain the concept of company zakat from Islamic jurisprudence and some of its basic obligations. This study is qualitative in nature where library data is fully used. The data is then analyzed inductively and deductively. The study found that the concept of company zakat can be developed with a fiqh framework and does not necessarily depend on the concept of business zakat. The basis of the company's zakat obligation can also be seen through the discussion of the theory of property mixing, property inclusion, the concept of property growth and maqasid Shariah.

**Keywords:** zakat on company; concept; fiqh; legal entity; maqasid al-Shariah.

#### **ABSTRAK**

Perbincangan zakat syarikat masih lagi menjadi topik penting dalam kalangan intelektual Islam. Tambahan pula di Malaysia, perbincangan adalah lebih fokus kepada usaha melaksanakan dan menyelaraskan pelaksanaan kutipan zakat

syarikat di Malaysia. Namun, beberapa isu fiqh juga masih perlu perbincangan yang lebih holistik. Antara aspek utama dalam membahaskan isu zakat syarikat adalah berkaitan dengan konsep fiqh zakat syarikat. Oleh kerana itu, kajian ini akan menjelaskan konsep fiqh zakat syarikat dan beberapa asas kewajipannya. Kajian ini adalah bersifat kualitatif di mana data-data perpustakaan digunakan sepenuhnya. Data-data tersebut kemudian di analisis secara induktif dan deduktif. Kajian mendapati konsep zakat syarikat boleh dibangunkan dengan kerangka fiqh dan tidak semestinya bergantung kepada konsep zakat perniagaan. Asas kewajipan zakat syarikat juga boleh melihat melalui perbincangan teori percampuran harta, rangkuman harta, konsep kesuburan harta dan maqasid Syariah.

**Kata Kunci:** zakat syarikat; konsep; fiqh; legal entity; maqasid Syariah.

## PENDAHULUAN

Isu zakat merupakan satu isu penting dalam penyelidikan hukum Islam. Hal ini berikutan, aspek perbincangan zakat meliputi sistem ibadah dan sistem ekonomi sosial yang mempunyai kesan signifikan dalam kehidupan umat Islam. Dengan perkembangan semasa dan kemajuan yang berlaku perbincangan zakat menjadi semakin meluas. Antara isu yang ditekankan seperti perbincangan zakat saham, zakat mata wang digital, zakat institusi kewangan Islam, transformasi dalam kutipan dan agihan zakat dan seumpamanya.

Namun, melatari kepada semua perbincangan zakat tersebut adalah pembangunan satu konsep yang jelas. Kerana pada dasarnya didapati perbincangan mengenai zakat sebahagiannya terlalu memfokuskan aspek pelaksanaan dan perakaunan sedangkan zakat adalah komponen hukum Islam yang mempunyai asas tersendiri. Asas tersebut adalah hasil daripada kerangka disiplin fiqh dan usul fiqh. Perbincangan mengenai zakat atas syarikat juga dilihat lebih fokus kepada aspek pelaksanaan. Justeru kajian ini akan melakukan analisis terhadap konsep zakat syarikat dan menjelaskan asas kepada konsep tersebut.

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif di mana data-data perpustakaan digunakan sepenuhnya. Data-data tersebut seterusnya dianalisis berasaskan metodologi analisis kandungan secara induktif dan deduktif. Dalam penyelidikan hukum Islam lazimnya, pendekatan membandingkan pandangan ulama dalam satu-satu isu akan diaplikasikan dan kemudiannya

dilakukan pentarjihan dengan melihat kedudukan dalil, kekuatannya dan kaedah penghujahan yang dilakukan. Teori-teori asas yang dikemukakan dalam dikembangkan serta dikaitkan dengan isu yang dikaji. Pendekatan inilah yang digunakan dalam kajian ini.

## SOROTAN PERBINCANGAN ZAKAT SYARIKAT

Perbincangan mengenai zakat syarikat meliputi beberapa aspek seperti asas pembayaran zakat, kaedah pengiraan, perakaunan dan penilaian fiqh aktiviti syarikat sehingga diwajibkan zakat. Hussayn Syahatah (2009) telah mengarang satu penulisan yang bertajuk *Fiqh wa Muhasabah Zakat al-Syarikat*. Buku tersebut boleh dijadikan asas utama kepada perbincangan zakat syarikat. Perbincangan buku tersebut meliputi teori zakat syarikat, kaedah pengiraan zakat bagi syarikat, asas pembayaran zakat bagi syarikat dan menjawab persoalan-persoalan yang timbul mengenai zakat bagi syarikat. Dari sudut teori, Syahatah (2009) hanya mengemukakan secara ringkas yang boleh dikembangkan lagi.

Kebanyakan penulisan dilihat cenderung membahaskan zakat syarikat dengan memfokuskan kepada jenis zakat yang dikenakan. Oleh itu kebanyakan kajian akan menekankan aspek perbincangan zakat perniagaan, zakat saham, zakat *al-mustaghalat* dan zakat *mal al-mustafad*. Hal ini boleh diamati dalam perbincangan Syahatah (2009), al-Amin (1993), al-Khatib (2014) dan al-Sadlan (1417H).

Selain itu, antara kajian yang menarik mengenai zakat syarikat adalah apa yang dibahaskan oleh Tun Abdul Hamid (2012). Dalam kajiannya, beliau mempersoalkan beberapa keputusan fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa yang mewajibkan zakat bagi syarikat di Malaysia. Kajiannya hanya tertumpu kepada beberapa keputusan fatwa tersebut dan melakukan komentar. Beliau membahaskan isu mewajibkan zakat bagi syarikat dari dua perspektif iaitu dari perspektif undang-undang (syarikat sebagai *legal entity*) dan hukum Islam (kewajipan syarikat mengeluarkan zakat menurut Islam). Beliau dilihat kurang bersetuju dengan fatwa yang diputuskan. Kajian beliau sememangnya menjadi rujukan penting bagi kajian ini dalam rangka membentuk konsep *legal entity* dan teori zakat syarikat.

Kajian dan kenyataan Tun Abdul Hamid telah dijawab di dalam satu artikel tulisan Zulkifli (2013) yang bertajuk “*Does Islamic Financial Institutions Need To Pay Zakat*”. Namun jawapan di dalam artikel tersebut adalah ringkas dan

hanya menjurus kepada persoalan penerimaan konsep *legal entity* dalam Islam. Selain itu, dalam satu kajian yang lain, Aznan (2013) telah menjelaskan dan memberi penekanan mengenai persoalan konsep *legal entity* dalam Islam. Kajian tersebut juga menyentuh berkaitan kaedah pembayaran zakat syarikat dan beberapa isu berkaitan.

Manakala Azman dan Muhamad Nasir (2011) juga menjelaskan konsep *legal entity* dan beberapa isu zakat institusi kewangan Islam. Penjelasan artikel ini adalah bersifat umum dan mengandungi beberapa teori penting berkenaan pembayaran zakat oleh *legal entity* dalam wacana fiqh klasik. Kemudian, Bouheraoua (2012) juga membincangkan kewajipan zakat institusi kewangan Islam. Kajian ini juga telah menjelaskan konsep *legal entity* dan hubungannya dengan isu pembayaran zakat institusi kewangan Islam. Begitu juga kajian Abdul Ghafar dan Muhammad Ali Jinnah (2013) yang masih menekankan aspek yang sama. Namun kajian mereka menyentuh aspek pengiraan dan penentuan zakat institusi kewangan Islam. Perbincangan para ahli akademik tersebut akan membantu dalam pembentukan teori zakat syarikat walaupun terdapat sebahagian penulisan memberi fokus kepada zakat institusi kewangan Islam.

Dalam beberapa kajian yang telah dijelaskan, didapati persoalan yang dikemukakan Mamat Said (2001) masih lagi belum diselesaikan sepenuhnya. Antara persoalan utama yang dikemukakan dalam kajiannya adalah mengenai asas pembayaran zakat TH dan status simpanan TH sebagai aset zakat. Meskipun persoalannya adalah berkait dengan zakat institusi Tabung Haji, namun ia berkait dengan skop perbincangan zakat syarikat. Jelas daripada perbincangan yang telah dikemukakan, pembayaran zakat oleh syarikat merupakan satu wacana yang penting dan mempunyai banyak isu yang perlu diselesaikan. Akan tetapi dalam kajian ini hanya memfokuskan tentang teori zakat syarikat menurut perspektif hukum Islam. Pembangunan dan penjelasan kepada teori ini penting kerana ia adalah premis asas dalam mengamati isu-isu yang timbul dalam amalan pembayaran zakat syarikat khususnya institusi kewangan Islam.

## **KONSEP SYARIKAT DAN ZAKAT**

Pada sub perbincangan ini, kajian akan fokus kepada menjelaskan secara umum konsep syarikat dan konsep zakat. Syarikat dalam Bahasa Arab disebut sebagai *al-syirkah* yang berasal dari kata *sya-ri-ka* (شرك). *Al-Syirkah* dari sudut etimologi bererti bercampur antara dua orang rakan kongsi (Ibn Manzur, t.t.). Dalam erti

kata lain *al-syirkah* adalah satu akad antara dua orang atau lebih untuk menjalankan aktiviti secara bersama, ataupun satu institusi perniagaan yang berkongsi pemilikannya dari aspek pengurusan harta dengan tujuan untuk membahagikan keuntungan yang akan diperolehi (Ahmad Mukhtar, 2008).

Syarikat dari sudut terminologi pula mempunyai banyak pengertian. Pengertian-pengertian syarikat tersebut dapat dibahagi mengikut mazhab-mazhab (*school of thoughts*) fiqh. Setiap pengertian tersebut ada yang bersifat umum dan ada yang bersifat khusus, namun asas kepada pengertian syarikat yang dikemukakan oleh ulama fiqh adalah perkongsian antara dua pihak atau lebih pada sesuatu. Pengertian yang dikemukakan golongan Hanabilah dilihat sesuai untuk menggambarkan syarikat secara umum kerana ia dapat merujuk kepada dua jenis syarikat iaitu syarikat *al-'aqd* dan syarikat *al-milk* (Arafat, 2010). Manakala pengertian yang khusus yang dapat menggambarkan konsep syarikat yang sebenar adalah “satu bentuk akad yang termeterai antara dua orang rakan kongsi pada modal dan untung” menurut golongan Hanafiyah (al-Zuhayli, 1989).

Syarikat terbahagi kepada dua iaitu syarikat *al-milk* dan syarikat *al-'aqd*. Syarikat *al-milk* adalah satu perkongsian antara dua orang atau lebih untuk memiliki tanpa didasari sebarang akad, seperti perkongsian dalam memiliki harta pusaka. Manakala syarikat *al-'aqd* pula adalah satu bentuk perkongsian antara dua orang atau lebih yang didasari dengan akad (Haydar, 2003).

Syarikat *al-'aqd* terbahagi kepada beberapa jenis. Antara jenis syarikat *al-'aqd* adalah syarikat *al-'inan*, syarikat mudarabah, syarikat *al-wujub*, syarikat *al-mufawadah* dan syarikat *al-abdan* (Ibn Juzay, 2008). Selain jenis syarikat yang disebutkan terdapat beberapa bentuk syarikat yang dinamakan dalam rangka kontemporari. Jenis-jenis syarikat tersebut adalah syarikat *al-tadamun*, syarikat *al-tamsiyah al-basitiyyah*, syarikat *al-mubasah*, syarikat *al-musahamah*, syarikat *al-tamsiyah bi al-ashum* (al-Zuhayli, 1989).

Bagi membentuk syarikat terdapat tiga komponen yang perlu wujud iaitu; dua pihak yang berkontrak, perkara yang dikontrakkan dan lafaz akad (al-Zuhayli, 1989). Komponen tersebut disebut sebagai rukun syarikat. Manakala menurut golongan Hanafiyah rukun syarikat hanya *al-ijab wa al-qabul* (*sighah* akad) (al-Baghdadi, 1999).

Berkenaan syarat-syarat syarikat pula, terdapat empat syarat umum bagi syarikat *al-'aqd* iaitu (Ibn Humam, 2003):

- i. Boleh menerima perwakilan, ini kerana di dalam hukum syarikat tidak akan berhasil sesuatu perniagaan yang dikongsi kecuali salah seorang dari rakan kongsi menjadi wakil bagi yang lain pada sebahagian harta syarikat.
- ii. Hendaklah nisbah keuntungan di antara rakan kongsi jelas dinyatakan ketika majlis akad.
- iii. Hendaklah jumlah untung yang dinyatakan adalah bersifat umum dan bukannya dalam jumlah yang tetap.
- iv. Keuntungan diambil daripada hasil perniagaan bukan dari hasil yang lain.

Bagi syarikat *al-ammal* (merupakan antara jenis *syirkah al-'aqd* di mana tergolong di dalamnya *syirkah al-'inan* dan *syirkah al-mufawadah*) pula terdapat satu syarat tambahan yang diletakkan, iaitu; hendaklah modal syarikat merupakan komoditi yang wujud sama ada ketika akad atau ketika jual beli, ini bermakna tidak harus modal terdiri daripada hutang ataupun harta yang ghaib (Ibn Humam, 2003).

Walau bagaimanapun dalam senarai jenis syarikat tersebut, konsep syarikat *al-'inan* dilihat terpakai dalam penubuhan syarikat pada hari ini. Syarikat *al-'inan* merupakan perkongsian antara dua orang ataupun lebih yang mana kedua-dua orang tersebut perlu mengemukakan modal masing-masing sama ada ketika akad dilakukan atau ketika perniagaan dijalankan. Setiap individu merupakan wakil bagi rakan kongsinya yang lain dalam mengendalikan urusan perniagaan (Ibn Juzay, 2008). Oleh itu penekanan terhadap syarat syarikat *al-'inan* adalah perlu. Terdapat lima syarat syarikat *al-'inan* iaitu (al-Syaybani, 1983; al-Bahuti, 1982):

- 1- Hendaklah kontrak tersebut boleh menerima perwakilan (wakalah).
- 2- Hendaklah diketahui jumlah keuntungannya, yang mana bahagian atau nisbah keuntungan diketahui oleh semua rakan kongsi.
- 3- Hendaklah jumlah keuntungan yang dinyatakan adalah bersifat umum dan bukannya dalam jumlah yang tetap. (Ketiga syarat ini adalah umum dan teraplikasi kepada jenis-jenis syarikat yang lain).
- 4- Hendaklah modal syarikat wujud ketika kontrak. Modal juga hendaklah bukan harta yang berbentuk hutang, atau harta ghaib dan seumpamanya.
- 5- Hendaklah modal berupa wang ringgit atau yang boleh dicampur adukkan. Tidak boleh modal dalam bentuk barangan.

Unit penyelidikan syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad (2012) menyenaraikan syarat-syarat syarikat *al-`inan* seperti berikut:

- 1- Lafaz kontrak (*sighab*) iaitu lafaz jelas (*sarib*) yang dinyatakan oleh setiap rakan kongsi kepada rakan kongsi yang lain.
- 2- Berkelayakan sebagai wakil. Iaitu setiap rakan kongsi mestilah berakal, baligh dan tidak ditahan daripada menggunakan harta.
- 3- Modal yang dikongsi mestilah harta yang sama. Apabila harta ini dicampurkan, ia tidak boleh dibezakan antara satu sama lain.
- 4- Menggabungkan modal syarikat. Sebaik sahaja setiap rakan kongsi bersetuju mewujudkan syarikat, mereka perlu mengemukakan harta masing-masing yang boleh dijadikan modal syarikat.
- 5- Menetapkan keuntungan dan kerugian mengikut nisbah modal. Ini kerana keuntungan adalah hasil pelaburan modal. Begitu juga kerugian kerana ia adalah kerugian daripada modal.

Namun begitu, Jawatankuasa Syariah BMMB telah memutuskan bahawa dalam kontrak *musarakah*, segala perolehan keuntungan dibahagi berdasarkan kepada persetujuan rakan kongsi, manakala kerugian pula adalah berdasarkan kepada kadar sumbangan modal rakan kongsi.

Seterusnya adalah perbincangan mengenai konsep zakat. Zakat (الزكاة) berasal dari perkataan arab yang memberi pengertian pertambahan dan subur. Selain itu ia juga membawa pengertian lain seperti suci, berkat, baik (*al-salah*) dan pujian (Masyhur, 1993). Kesemua pengertian ini secara langsung atau tidak langsung telah menggambarkan prinsip zakat dalam syariat Islam. Zakat dari segi istilah pula bermaksud (al-Bahuti, 1982; Zaydan, 1993):

“Hak yang wajib ditunaikan dengan kadar tertentu daripada harta tertentu, untuk golongan t”ertentu pada waktu yang tertentu”

Menurut al-Nuri (2004) zakat dari sudut syarak membawa maksud;

“Suatu nama bagi apa-apa dikeluarkan daripada harta atau daripada badan secara khusus”

Pengertian zakat yang dikemukakan ini adalah berbentuk umum. Ia akan diperincikan dalam setiap jenis zakat yang terdapat dalam perbincangan fiqh zakat. Daripada pengertian ini menunjukkan bahawa zakat terdapat dalam dua bentuk iaitu zakat harta dan zakat badan (yang disebut sebagai zakat fitrah).

Hukum zakat adalah wajib sebagaimana yang disebut di dalam banyak ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW. Tambahan pula, terdapat ijmak wajib mengeluarkan zakat bagi harta-harta tertentu (Ibn Mundhir, 1999). Selain itu, terdapat ancaman azab bagi sesiapa yang kedekut dan enggan mengeluarkan zakat di dalam al-Quran juga hadis. Manakala orang yang mengingkari kewajipan zakat dan menafikan kefarduannya adalah kafir (murtad) dan boleh dihukum bunuh ('Abduh Ghalib, 1988).

### **KONSEP ZAKAT SYARIKAT MENURUT HUKUM ISLAM**

Perbincangan ini pada dasarnya perlu dilihat dari dua aspek utama iaitu aspek harta syarikat dan kapasiti syarikat itu sendiri. Dua aspek itu mempunyai cakupan yang berbeza dari perspektif hukum zakat. Harta syarikat secara umumnya wajib untuk dikenakan zakat. Mewajibkan zakat pada syarikat-syarikat orang Islam dapat memberikan sumbangan kepada kesejahteraan sosial serta memenuhi keperluan sosial. Harta syarikat wajib dikenakan zakat walaupun terdapat di antara rakan kongsi yang modalnya tidak mencukupi nisab (al-Maghribi, 2003). Kewajipan zakat ke atas harta syarikat adalah seperti yang difirmankan Allah SWT dalam ayat yang umum yang bermaksud;

*“Wahai orang-orang yang beriman! belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu). kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.”* (Surah al-Baqarah, 2:267)

Ayat ini menjadi asas kepada wajibnya mengeluarkan zakat daripada hasil-hasil yang telah diusahakan. Perkataan hasil usaha pada ayat ini dapat dikategorikan kepada dua, iaitu hasil usaha yang diperolehi dari perut bumi



seperti tumbuh-tumbuhan dan hasil usaha yang diperolehi di atas muka bumi seperti perniagaan, hasil pengeluaran, hasil perolehan dari negara musuh dan hasil buruan (Ibn al-‘Arabi, 2003). Menurut Mujahid “sebahagian dari hasil usahamu” adalah bermaksud perniagaan (Ibn Kathir, 2004). Al-Tabari (t.t.) pula menafsirkan bahawa ia bermaksud mengeluarkan zakat dari hasil usaha yang baik-baik daripada perniagaan, perkilangan atau daripada emas dan perak.

Oleh itu, harta syarikat menepati prinsip ayat tersebut iaitu harta yang diusahakan. Selain itu, harta syarikat terdiri daripada harta yang bercampur-campur, ia menepati prinsip *kebhutlah al-asya’* (campuran harta) yang juga dikenakan zakat. Prinsip ini dapat difahami daripada perbincangan hadis Nabi SAW berikut;

وَلَا يُجْمَعُ بَيْنَ مُتَفَرِّقٍ وَلَا يُفَرَّقُ بَيْنَ مُجْتَمِعٍ خَشْيَةَ الصَّدَقَةِ

Maksudnya: “Tidak terhimpun antara yang terpisah dan tidak terpisah antara yang terhimpun kerana takut bersedekah (zakat)”  
(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Hadis ini difahami oleh pelbagai ulama dari pelbagai sudut. Antara kefahaman hadis ini adalah larangan mencampurkan harta yang terpisah kerana bimbang kadar zakat yang perlu dikeluarkan banyak dan larangan memisahkan antara harta yang bercampur kerana bimbang sedikitnya kadar zakat yang akan dikeluarkan (al-Ansari, 2005). Kefahaman lain berkenaan hadis ini adalah larangan daripada menghimpunkan binatang ternak untuk mengurangkan bayaran zakat dan memisahkan binatang ternak kerana tujuan yang sama (al-Tusi, 1415H).

Mengenai syarikat sebagai pembayar zakat, asasnya terdapat tiga pandangan mengenainya, pertama; zakat dikenakan atas syarikat (al-Khalil, 1462H). Hujah golongan ini adalah kerana syarikat merupakan entiti yang terpisah (*syakhsyyah i’tibariyyah*). Oleh itu syarikat mempunyai tanggungan harta yang tersendiri yang mewajibkannya untuk mengeluarkan zakat bagi harta tersebut. Selain itu mewajibkan zakat atas pemegang saham boleh mendatangkan kesukaran dalam melakukan pentaksiran zakat, seperti menentukan pemilihan, bahagian keuntungan dan nisab (al-Ghafili, 2008).

Golongan kedua pula berpendapat zakat diwajibkan ke atas pemegang saham (al-Khalil, 1462H). Hujah mereka adalah pemegang saham merupakan pemilik sebenar terhadap harta tersebut. Manakala pendapat ketiga menyatakan

kedua-dua pihak sama ada syarikat atau pemegang saham boleh mengeluarkan zakat mengikut pilihan (al-Sayfi, 2006; al-Misri, 2009).

Walaupun begitu, daripada ketiga-tiga pendapat tersebut hanya satu pendapat sahaja tidak menerima konsep syarikat sebagai pembayar zakat. Sedangkan dua pendapat yang lain menerima konsep ini. Kewajipan zakat atas syarikat adalah berteraskan konsep *syakhsyiyah i'tibariyyah* yang telah dibahaskan sebelum ini. Kesimpulan daripada perbahasan tersebut membuktikan syarikat mempunyai kapasiti tersendiri sebagaimana manusia dalam melakukan urusan dan transaksi termasuk membayar zakat. Oleh kerana itu syarikat boleh dianggap sebagai *muzakki* (pembayar zakat). Ia telah menjadi hujah sokongan untuk membenarkan syarikat sebagai pembayar zakat.

Selain itu, kewajipan zakat juga adalah tertakluk kepada harta dan pemilikannya. Konsep *syakhsyiyah i'tibariyyah* sahaja tidak cukup untuk mewajibkan zakat pada syarikat. Contohnya wakaf, harta milik wakaf tidak akan dikenakan zakat walaupun wakaf merupakan satu entiti yang tersendiri. Oleh itu, masih perlu dirujuk kepada harta syarikat adakah ia wajib dikeluarkan zakat atau tidak.

Perbincangan mengenai zakat atas syarikat dilanjutkan dengan melihat kedudukan harta syarikat. Oleh kerana harta syarikat terhasil daripada beberapa sumber, bentuk dan jenis mendatangkan persoalan bagaimanakah menentukan kewajipan zakat ke atas harta tersebut. Kewajipan zakat atas harta syarikat adalah berdasarkan kepada beberapa asas selain ia perlu memenuhi syarat-syarat wajib harta zakat (seperti cukup haul dan nisab). Asas kepada zakat syarikat adalah; mencampurkan harta zakat (berasaskan konsep *zakat al-kultab*), merangkumkan harta zakat, konsep harta *al-nama'* dan menepati maqasid al-syariah.

Asas-asas ini menjadi antara penentu utama mengapa harta-harta dalam syarikat tidak terlepas dari kewajipan zakat. Dakwaan sebegitu timbul apabila melihat harta dalam syarikat mempunyai pemilikan yang berbeza dan bercampur-campur. Selain itu harta dalam syarikat jika dilihat dari sudut pemilikan tunggal ada yang tidak mencukupi nisab oleh itu harta tersebut tidak wajar dikenakan zakat. Begitu juga persoalan harta yang jelas bukan dibawah kuasa syarikat, adakah ia boleh dikeluarkan bersama dengan harta syarikat.

Mencampurkan harta zakat mempunyai asasnya di dalam perbahasan fiqh. Asasnya adalah di dalam membincangkan isu zakat ternakan atau khususnya dalam zakat *al-kebultab*. Sebelum melanjutkan perbincangan mengenai perkara ini

hendaklah dimaklumi bahawa terdapat dua bentuk pencampuran binatang ternak, iaitu pencampuran atas dasar perkongsian dan pencampuran atas dasar berdekatan (al-Hisni, 2008). Pencampuran yang pertama juga disebutkan sebagai pencampuran dari segi 'ain (*kbultah al-a'yan*) di mana tidak dapat dibezakan nisab binatang tersebut bagi dua orang pengembala (atau lebih), seperti binatang ternakan warisan sesuatu kaum (Nakbah min al-'Ulama', 1424H). Pencampuran dalam bentuk kedua disebut sebagai pencampuran dari segi sifat (*kbultah al-amsaf*) di mana jumlah ternakan bagi setiap pemilik diketahui dan dapat dibezakan (al-Khalwati, 2011).

Dalam perspektif zakat bagi harta yang bercampur ini, secara umumnya terdapat perbezaan dalam kalangan ulama. Pandangan pertama menyatakan bahawa harta yang bercampur perlu dizakatkan sebagai harta yang satu (al-Syafi'I, 2001; Mayyarah, 2008). Manakala pandangan kedua menyatakan percampuran tersebut tidak memberi kesan zakat dan perlu dilihat jumlah nisab pada setiap pemilik atau tuan harta.

Manakala mengenai persoalan adakah pencampuran harta yang memberi kesan kepada zakat hanya wujud dalam zakat ternakan. Menurut mazhab Syafi'i ia tidak terhad kepada binatang ternak sahaja bahkan ia juga memberi kesan dalam zakat pertanian dan zakat wang (emas dan perak) (al-Nawawi, 2003; Ibn al-Mulaqqan, 2001). Prinsip mencampurkan harta zakat ini juga melambangkan bahawa wujudnya satu entiti lain selain manusia. Ini kerana zakat diwajibkan pada "pemilikan yang satu" sedangkan ia adalah milikan oleh banyak tuan (individu). "Pemilikan yang satu" ini telah menjadi tabir kepada individu sehingga pembayaran zakat dapat dilaksanakan. Dalam erti kata lain "pemilikan yang satu" merupakan entiti perundangan yang dicipta dalam perbendaharaan fiqh bagi mewajibkan zakat harta yang bercampur. Oleh itu, konsep pencampuran harta zakat amat sesuai diaplikasikan dalam zakat syarikat.

Konsep rangkuman zakat adalah merangkumkan kesemua harta zakat (yang sama sifat atau jenisnya) antara satu sama lain. Dalam menentukan atau mengira harta-harta yang perlu dizakatkan, sewajarnya dikumpul setiap yang dimiliki oleh seseorang (harta-harta zakat) sama ada di dalam negara mahupun di luar negara. Kemudiannya harta tersebut dirangkumkan sekali dan zakat akan dikeluarkan daripada harta tersebut setelah hutang yang ditanggung dibayar (al-Hawali, 2006). Perbincangan mengenai isu ini sememangnya wujud dalam perbahasan fiqh khususnya fiqh zakat. Contoh rangkuman harta zakat adalah

seperti merangkumkan harta dengan hutang yang berada di tangan pemiutang (Haqqi Isma'il, 2006) walaupun hakikatnya harta tersebut tidak ada pada tangan pemiliknya.

Apabila diteliti kepada sumber-sumber harta yang wajib dikenakan zakat seperti zakat pertanian dan zakat ternakan, didapati ia telah meraiikan unsur kesuburan atau unsur perkembangan harta tersebut. Oleh itu, kesemua harta yang dikenakan zakat pada tabiatnya adalah harta yang subur dan mempunyai potensi untuk berkembang (al-Ba'li, 1991). Contohnya adalah binatang ternak yang dibiarkan (*al-sai'mah*) dikenakan zakat sedangkan yang ditenak dalam kandang (*al-ma'lufah*) tidak dikenakan zakat kerana kos penjagaannya tinggi begitu juga binatang yang digunakan untuk melakukan kerja. Sedangkan binatang *al-sa'imah* ditenak untuk hasilnya dan pembiakannya kerana itulah ia merupakan harta yang subur (al-Ba'li, 1991).

Selain itu *al-nama'* (subur atau berkembang) juga dianggap menjadi '*illab* kewajipan zakat. Ini kerana harta yang berkembang dan ada potensi untuk berkembang merupakan '*illab* mewajibkan harta untuk dizakatkan. Ibn Humam (t.t.) menyatakan *al-nama'* adalah sebahagian daripada sebab wajib zakat. Prinsip *al-nama'* juga disentuh, sama ada sebagai hikmah kewajipan zakat atau hikmah mengapa terdapat harta-harta yang tidak diwajibkan zakat (Ibn al-Najjar, 2008; Yasin, 1999).

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syarikat adalah satu bentuk perkembangan harta yang tergolong dalam prinsip *al-nama'*. *Al-Nama'* (subur) merupakan salah satu ciri atau syarat harta yang wajib dikeluarkan zakat (al-Qaradawi; 2004). Oleh itu, apabila dilihat secara keseluruhannya harta syarikat merupakan harta yang layak dikeluarkan zakat kerana prinsipnya sebagai harta yang subur.

Selain itu, mengenakan zakat ke atas syarikat tidaklah bertentangan dengan maqasid pensyariatannya. Al-Syatibi (1997) menyebut bahawa maqasid pensyariat zakat adalah menghilangkan sifat buruk kedekut, memberi kemaslahatan kepada orang miskin dan menghidupkan jiwa dari kerosakan. Oleh kerana itu, objektif utama yang dikehendaki syarak bagi harta orang Islam itu adalah membelanjakannya, justeru barangsiapa yang menyimpannya hendaklah dikeluarkan zakat jika mencukupi syarat. Al-Raysuni menegaskan bahawa terdapat dua objektif pensyariat zakat iaitu menyucikan atau membersihkan (harta dan jiwa) pembayar zakat dan system jaminan kepada saudara Islam yang

memerlukan. Dengan pembayaran zakat oleh syarikat maka harta syarikat yang juga sebagai antara sumber kekayaan orang Islam dapat dibersihkan dan kemaslahatan orang yang memerlukan dapat diperlihara.

### KESIMPULAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa sesebuah Syarikat wajib mengeluarkan zakat sebagai entiti perundangan (*legal entity* atau *syakhsiyah i'tibariyyah*). Bermakna, pembayaran zakat tidak lagi melihat kepada jumlah pegangan sahama, akan tetapi merangkumkan semua harta syarikat untuk dizakatkan. Justeru, konsep zakat syarikat ini sewajarnya dijadikan asas utama dalam membincangkan pelaksanaan zakat syarikat atau khususnya zakat institusi kewangan Islam. Daripada konsep ini, perbincangan boleh dilakukan dengan mengenal pasti kedudukan syarikat sebagai *legal entity*, kemudian apakah kapasiti *legal entity* sebagai pembayar zakat. Kajian ini telah membawa empat asas utama yang boleh dijadikan sandaran konsep zakat syarikat iaitu teori pencampuran harta, teori rangkuman harta, harta yang subur dan elemen maqasid Syariah.

### PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran FRGS yang ditaja Kementerian Pengajian Tinggi di bawah geran FRGS/1/2020/SSI0/UM/02/19, bertajuk “Model Zakat Aset Digital Berpandukan Kerangka Hukum Islam”.

### RUJUKAN

- ‘Arafat, R. (2010) “Syarikah al-Wujuh wa Ahkamuha fi al-Fiqh al-Islami wa al-Qanun al-Madani wa al-‘Urduni.” Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan al-Najah, Palestin.
- ‘Isa, ‘Abduh Ghalib Ahmad (1988). *Kayfiyyah al-Zakat*. Bayrut: Dar al-Jil.
- Abdul Ghafar I., Achmad T. & Muhammad Ali Jinnah A. (2013). “Debate on Policy Issues in The Field of Zakat on Islamic Bank Business” IRTI Working Paper.
- Ahmad Mukhtar U. (2008). *Mu‘jam al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Mu‘asirah*. Al-Qahirah: ‘Alim al-Kutub.

- Al-Amin, Hassan ‘Abd Allah (1993). *Zakah al-Ashum fi al-Syarikat: Munaqasyah Ba’d al-Ara’ al-Hadithah*. Jeddah: al-Ma‘ahad al-Islami li al-Buhuth wa al-Tadrib, al-Bunuk al-Islami li al-Tanmiyah.
- Al-Ansari, Zakariya (2005). *Minhah al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Al-Riyad: Maktabah al-Rasyad.
- al-Ba‘li, ‘Abdul Humaid Mahmud (1991). *Iqtisadiyat al-Zakat wa I’tibar al-Siyasah al-Maliyah wa al-Naqdiyah*. Misr: Dar al-Salam.
- Al-Baghdadi, Abi Muhammad bin Ghanim (1999). *Majma‘ al-Dimmanat*. Al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Al-Bahuti, Mansur bin Yunus (1982). *Kasysyaf al-Qina’ ‘an Matn al-Iqna’*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Ghafili, ‘Abdullah bin Mansur (2008). *Nawazil al-Zakah: Dirasah Fiqhiyyah Ta’siliyyah li Mustajaddati al-Zakat*. Al-Riyad: Dar al-Miman.
- Al-Hawali, Mahir Hamid (2006). “Al-Amwal allati Tajibu fiha al-Zakat wa Masarifuha. “Makalah al-Zakah wa al-Darbiyyah wa Atharuha fi al-Mujtama’,” *Al-Jami’ah al-Islamiyyah*, Gaza, 6 Mei 2006.
- Al-Hisni, Abi Bakr bin Muhammad (2008). *Kifayah al-Akhyar fi Hill Ghayah al-Ikhtisar*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Khalil, Ahmad bin Muhammad (1462H). *Al-Ashum wa al-Sanadat fi al-Fiqh al-Islami*. al-Dammam: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Khalwati, Muhammad bin Ahmad (2011). *Hasiyah al-Khalwati ‘ala Muntaha al-Iradat*. Qatar; Dar al-Nawadir.
- Al-Khatib, Susan Taysir (2014). “Ahkam Zakat ‘Arud al-Tijarah: Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah”. Disertasi sarjana dalam bidang fiqh, *Jami’ah al-Madinah al-‘Alamiyyah*.
- al-Maghribi, Al-Hussayn bin Muhammad (2003). *Badr al-Tamam Syarh Bulugh al-Maram*. t.tp: t.p.
- Al-Misri, Rafiq Yunus (2009). *Buhuth fi al-Zakah*. Dimasyq: Dar al-Maktabi.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf (2003). *Rawdah al-Talibin*. Al-Riyad: Dar ‘Alam al-Kutub.
- Al-Nuri, Qasim bin Muhammad (2004). *Al-Rawd al-Nadir al-Jami‘ Bayna Tuhfah al-Tullab wa al-Taysir*. Bayrut: Dar al-Basya’ir al-Islamiyyah.
- Al-Qaradawi, Fiqh al-Zakah: *Dirasah Muqaranah Li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Dau’ al-Qur’an wa al-Sunnah*, 1: 158.

- Al-Raysuni, Ahmad (1995). *Nazariyah al-Maqasid 'Inda Imam al-Syatibi*. Herndon: The International Institute of Islamic Thought. 367.
- Al-Sadlan, Salih bin Ghanim (1417H). *Zakah al-Ashum wa al-Sanadat wa al-Waraq al-Naqdi*. Al-Riyad; Dar Belensiyah.
- Al-Sayfi, 'Abdullah 'Ali Mahmud (2006). *Al-Syarikah al-Qabidah wa Ahkamuha fi al-Fiqh al-Islami*. Jordan: Dar al-Nafa'is.
- Al-Sayuti, Mustafa (t.t.). *Matalib Uli al-Nuha fi Syarh Ghayat al-Muntaha*. Dimasyq: al-Maktab al-Islami.
- Al-Syafi', Muhammad bin Idris (2001). *Al-Umm. Al-Mansurah: Dar al-Wafa'*.
- Al-Syaibani, 'Abd al-Qadir bin 'Umar (1983). *Nayl al-Marib Bi Syarh Dalil al-Talib*. Kuwayt: Maktabah al-Fallah.
- Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa (1997). *Al-Muwafaqat. Al-Khubar: Dar Ibn 'Affan*. 3: 121.
- Al-Tabari, Muhammad Ibn Jarir (t.t.). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayy al-Qur'an. Al-Qahirah: Maktabah Ibn Taymiyyah*.
- Al-Tusi, Al-Hasan bin 'Ali (1415H). *Mukhtasar al-Ahkam. Al-Madinah: Maktabah al-Ghuraba' al-Athariyah*.
- Al-Zuhayli, Wahbah (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Azman M. N. & Muhamad Nasir H. (2011). "Imposing Zakah on Legal Entities and Its Applications to Islamic Financial Institutions." Kertas kerja dibentangkan di International Zakat Conference, Bogor, Indonesia, 19-21 Julai 2011.
- Aznan H. (2013). "Who Needs to Pay Zakat: A Focus on Legal Entities." Kertas kerja dibentangkan di National Business Zakat Symposium, 8 Oktober 2013, Hotel Istana, Kuala Lumpur.
- Bouheraoua, S. (2012). "Zakah Obligations on Islamic Financial Institutions." ISRA Research Paper, 34: 1-33.
- Haqqi Isma'il 'Abd Allah (2006). *Fiqh al-Imam al-Zuhri wa Manhajuhu Fih*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Haydar, A. (2003). *Durar al-Hukkam Syarh Majallah al-Ahkam*. Bayrut: Dar al-Jil.
- Ibn al-'Arabi (2003). *Ahkam al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Humam (t.t.). *Fath al-Qadir*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn al-Mulaqqan (2001). *'Tjalah al-Muhtaj ila Tawjih al-Minhaj*. Irbid: Dar al-Kitab.

- Ibn al-Najjar (2008). *Ma'unah Uli al-Nuha Syarh al-Muntaha*. Makkah: Maktabah al-Asadi.
- Ibn Juzay, Muhammad bin Ahmad (2008). *Al-Qawanin al-Fiqhiyyah*. Misr: Dar al-Andalus al-Jadidah.
- Ibn Kathir (2004). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Al-Riyad: Dar al-Salam.
- Ibn Manzur (t.t.). *Lisan al-'Arab*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Ibn Mundhir, Muhammad bin Ibrahim (1999). *Al-Ijma'*. 'Ajman: Maktabah al-Furqan.
- Ibnu Humam (2003). *Syarh Fath al-Qadir*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mamat Said (2001). "Zakat perniagaan : satu kajian di Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH)". Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Masyhur, Ni'Mat Abd al-Latif (1993). *Al-Zakat, al-Asas al-Syar'iyyah wa al-Dawr al-Inma'i al-Tawzi'i*. Bayrut: Mu'assasat al-Jami'iyyah.
- Mayyarah, Muhammad bin Ahmad (2008). *Al-Durr al-Thamin wa al-Mawrid al-Ma'in*. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Muhammad Na'im Yasin (1999). "Al-Nama': Mafhumihī wa Mawqi'ihī min Ahkam al-Zakat," *Hawaliyyah Kuliyyah al-Syari'ah wa al-Qanun*, 17.
- Nakhbah min al-'Ulama' (ed.) (1424H). *Al-Fiqh al-Muyassar fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah*. Al-Madinah: Majma' al-Malik Fahd.
- Syahatah, Hussayn (2009). *Fiqh wa Muhasabah Zakat al-Syarikat*. Al-Qahirah: Dar al-Nasyr li al-Jami'at.
- Tun Abdul Hamid M. (2012). "Obligation of Companies to Pay Zakat: Issues Arising from Effects of Separate Legal Entity," *Law Review*.
- Unit Penyelidikan Syariah Bank Muamalat (2012). "Hukum Pengenaan Caj Pengurusan ke Atas Rakan Kongsi Bagi Kontrak Musyarakah," *al-Muamalat*, 8.
- Zaydan, 'Abd al-Karim (1993). *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- Zulkifli H. (2013). "Does Islamic Financial Institutions Need to Pay Zakat?," *The Malaysian Reserve*, 29 Julai 2013.
- Alavifar A, Karimimalayer M, Anuar M. K. (2012). The first and second generation of multivariate techniques. *Engineering Science and Technology: An International Journal (ESTIJ)*, 2(2), 326-329.